

Tok Gajah mohon maaf kepada TFC

Oleh [Asrol Awang](#) - Mac 5, 2022 @ 7:59pm

bhsukan@bh.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif Sri Pahang FC, Datuk Mohammed Suffian Awang (kiri) bersama jurulatih Sri Pahang FC, Christophe Gamel di Kuantan. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.

KUANTAN: Pengurusan Sri Pahang FC memohon maaf kepada Terengganu FC (TFC) susulan penundaan perlawanan yang dijadualkan malam ini, selepas skuad berkenaan disahkan positif COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SPFC, Datuk Mohammed Suffian Awang berkata TFC sudah pun tiba di sini ketika keputusan yang diterima Sri Pahang pada 12 tengah hari, semalam.

"Kami mohon maaf kepada pasukan TFC yang sebenarnya mereka sudah pun sampai di Kuantan ketika keputusan PCR hanya diperolehi pada 12 tengah hari (semalam). Ia menyebabkan pasukan TFC terpaksa berpatah balik ke Kuala Terengganu," katanya.

Mohammed Suffian berkata, hasil PRC semalam, sebahagian besar pemain dan pegawai didapati positif wabak terbabit.

Katanya, semua pemain dan pegawai juga sudah mengambil suntikan dos penggalak seperti yang ditetapkan prosedur operasi standard (SOP).

"Saya harap semua pemain dan pegawai yang positif akan sembuh segera dan kembali menjalani latihan," katanya.

Akibat positif COVID-19, skuad Tok Gajah terpaksa menunda tiga perlawanan iaitu berdepan TFC, Selangor FC pada 8 Mac ini dan Manjung City (12 Mac).